

## PROMOSI JUAL SILANG AKAUN PAY&SAVE HONG LEONG

Last updated on 27<sup>th</sup> February 2018

### TEMPOH PROMOSI

“Promosi Jual Silang Akaun Pay&Save Hong Leong” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) bermula pada **23 Mac 2018** dan berakhir pada **22 Jun 2018**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), apabila mencapai jumlah saiz dana (“Had Saiz Dana”) RM100 million, mana-mana yang datang dahulu, melainkan diberitahu sebaliknya.

### **TERMA & SYARAT**

**Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut:-**

### KELAYAKAN

1. Promosi terbuka untuk penyertaan oleh seluruh pelanggan individu warga Malaysia dan bukan warga Malaysia (“Pelanggan”) yang merupakan pelanggan HLB sedia ada seperti berikut:-
  - (a) Yang tidak mempunyai sebarang Akaun Semasa dan/atau Simpanan dengan HLB sebelum Tempoh Promosi; dan
  - (b) Yang telah menerima Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) dan/atau Mel Terus Elektronik (“EDM”) daripada HLB untuk menyertai Promosi ini.

Pada dasarnya Pelanggan bertanggungjawab dan/atau berkewajipan memastikan bahawa nombor telefon bimbit dan/atau alamat emel mereka yang didaftarkan dengan HLB adalah betul dan terkini untuk menerima SMS dan EDM, dan HLB tidak akan bertanggungjawab/dipertanggungjawabkan jika sekiranya SMS dan EDM tidak diterima oleh Pelanggan Layak (seperti ditakrif menurut Fasal 3 di bawah) atas apa jua sebab sekalipun.

Pelanggan yang tidak menerima SMS dan EDM dianggap tidak layak menyertai Promosi ini dan HLB tidak akan melayani sebarang pertikaian disebabkan Pelanggan tidak menerima SMS dan EDM.

2. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) (686191-W) atau telah diisyiharkan muflis {menurut petisyen oleh sama ada HLB atau HLISB atau institusi kewangan lain atau oleh mana-mana pihak ketiga (ke-3)} atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi.

### KAEDAH PROMOSI

3. Sebagai syarat menyertai Promosi ini, Pelanggan mestilah memenuhi kriteria berikut semasa Tempoh Promosi (“Pelanggan Layak”) untuk berhak menikmati Kadar Deposit Tetap (“FD”) Promosi lapan bulan sebanyak **4.10% setahun**:
  - (a) Membuka Akaun Pay&Save baharu dengan deposit permulaan minimum **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** (“Deposit Permulaan Pay&Save”); dan
  - (b) Meletakkan sekurang-kurangnya dua (2) Arahan Tetap Dalam Talian Pinjaman / Kad Kredit (“SI Dalam Talian”) dalam masa satu (1) bulan dari tarikh pembukaan Akaun Pay&Save baharu dengan ansuran/bayaran bulanan minimum **Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100)** dan lebih bagi setiap SI Dalam Talian.[Fasal 3(a) dan (b) dikenali secara kolektif sebagai “Kriteria Promosi”].
4. Setiap Pelanggan Layak hanya boleh membuka satu (1) Akaun Pay&Save Hong Leong dan Akaun Pay&Save Hong Leong yang baru dibuka itu mestilah kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum **Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200)** sehingga **21 September 2018**, jika tidak, Pelanggan Layak tidaklah berhak menikmati Kadar FD Promosi.
5. HLB akan menjelaki kelayakan Pelanggan Layak untuk menikmati Kadar FD Promosi pada akhir Tempoh Promosi berdasarkan Kriteria Promosi yang dipenuhi seperti ditetapkan dalam Fasal 3 di atas. Pendaftaran penyertaan untuk Promosi ini tidak perlu.
6. Pelanggan Layak yang berjaya (“Pelanggan Berjaya”) akan dimaklumkan oleh HLB tentang kelayakan menikmati Kadar FD Promosi melalui SMS dan penyiaran nama Pelanggan Berjaya dan nombor Akaun Pay&Save Hong Leong yang baru dibuka (dalam bentuk terlindung) dalam Laman Web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) (“Laman Web

HLB") atau apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh HLB ("Pemberitahuan") tidak lewat daripada **21 September 2018** ("Tarikh Pemberitahuan"). Pelanggan Layak yang tidak menerima Pemberitahuan tersebut daripada HLB selewat-lewatnya **21 September 2018** dianggap **TIDAK** berhak menikmati Kadar FD Promosi.

7. Pelanggan Berjaya yang telah membuat peletakan deposit antara Amaun Peletakan FD Minimum dengan Amaun Peletakan FD Maksimum ("Amaun Peletakan FD") seperti tertera dalam jadual di bawah ke dalam Akaun FD baharu atau sedia ada masing-masing bagi Tempoh FD seperti ditetapkan di bawah semasa Tempoh Promosi adalah berhak menikmati Kadar FD Promosi sepadan seperti berikut

Tempoh FD	Produk	Kadar FD Promosi	Kadar FD Efektif	Amaun Peletakan FD Minimum	Amaun Peletakan FD Maksimum
8 bulan	FD Konvensional	4.10% setahun	4.10% setahun	RM10,000	RM30,000

8. Amaun Peletakan FD Minimum ialah **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)** dan Amaun Peletakan FD Maksimum ialah **Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000)**. Sekiranya mana-mana Amaun Peletakan FD melebihi Amaun Peletakan FD Maksimum yang ditetapkan atau jika Had Saiz Dana **Ringgit Malaysia Satu Ratus Juta (RM100,000,000)** telah dicapai, maka Amaun Peletakan FD yang melebihi Amaun Peletakan FD Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana adalah tertakluk kepada kadar FD konvensional semasa yang ditetapkan oleh HLB.
9. Bagi tujuan Promosi ini, deposit permulaan Pay&Save dan Amaun Peletakan FD mestilah Dana Baharu. Bagi mengelakkan keraguan, Dana Baharu adalah:
  - (a) Wang tunai, FPX, pindahan segera, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun Pay&Save yang baharu dibuka dan Akaun FD yang baru atau sedia ada; dan
  - (b) Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Promosi yang didepositkan semula ke dalam Akaun Pay&Save yang baharu dibuka.
10. Yang berikut tidak dianggap "Dana Baharu":
  - (a) FD yang matang atau pengeluaran pramatang FD daripada mana-mana akaun FD/ Akaun Deposit Tetap-i ("FD-i") yang sedia ada;
  - (b) pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada Akaun HLB/HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan/i dan/atau Akaun Semasa/i (CASA dan/atau CASA-i), FD, FD-i atau Akaun Pelaburan Am ("GIA"); dan
  - (c) pindahan antara dan / atau intra di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
11. Untuk menikmati Kadar FD Promosi, Pelanggan Berjaya hendaklah membuat peletakan FD dalam masa **satu (1) bulan** dari Tarikh Pemberitahuan dan Pelanggan Berjaya mestilah menunjukkan Pemberitahuan itu kepada kakitangan HLB sebelum meletakkan FD melalui kaunter.
12. Pelanggan Layak dikehendaki menamakan Akaun Semasa atau Akaun Simpanan ("CASA") yang diselenggara dengan HLB atas nama Pelanggan Layak ("CASA namaan") bagi tujuan mengkreditkan faedah yang diperolehi di bawah Promosi ini.
13. Faedah yang diperolehi atas FD akan dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan Layak setiap enam bulan.
14. Pada tarikh matang, Amaun FD pokok akan diperbaharui secara automatik pada kadar FD semasa masing-masing dan faedah yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan Layak setiap bulan.
15. Pengeluaran separa Amaun FD tidak dibenarkan bagi FD Konvensional. Faedah tidak akan dibayar sekiranya Amaun FD bagi FD Konvensional dikeluarkan sebelum matang Tempoh FD masing-masing seperti diperuntukkan dalam Fasal 7 di atas.
16. Sekiranya amaun FD ditarik keluar sebelum matang Tempoh FD, maka peraturan Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia ("ABM") khususnya Seksyen E(v) akan diguna pakai:-
  - (a) Faedah tidak akan dibayar atas mana-mana Amaun FD yang ditarik keluar sebelum genap tiga (3) bulan.
  - (b) Sekiranya FD ditarik keluar dalam bulan keempat (ke-4) ke atas, maka Pelanggan Layak akan menerima 50% daripada faedah Amaun FD menurut kontrak yang diperolehi bagi bulan-bulan genap atas amaun FD pokok sahaja.

HLB berhak untuk menolak balik dan memotong amaun setara dengan faedah yang dibayar kepada Pelanggan Berjaya bagi Amaun FD yang dikeluarkan pramatang daripada Amaun FD pokok pada masa dikeluarkan.

Amaun Peletakan FD **TIDAK** boleh digunakan sebagai sandaran bagi tujuan mencagarkan mana-mana kemudahan kredit yang didapatkan atau akan didapatkan oleh Pelanggan Layak.

17. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab terhadap kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemaparan dalam pengesetan SI Dalam Talian Pelanggan Layak yang mungkin menyebabkan Pelanggan Layak tertinggal daripada menerima atau tidak layak menikmati Kadar FD Promosi.
18. Pelanggan Layak dengan ini memberi keizinan dan membenarkan HLB untuk mendedahkan nama, nombor telefon bimbit dan alamat emel mereka kepada DCatalyst, M3tech atau mana-mana vendor yang dilantik secara rasmi untuk tujuan Promosi.
19. Perkhidmatan SMS dan EDM bagi Promosi ini disediakan dan disokong masing-masing oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("M3Tech") dan DCatalyst Sendirian Berhad (819292-U) ("DCatalyst").
20. Pelanggan Layak dengan ini memberi keizinan dan membenarkan HLB untuk mendedahkan nama, nombor Akaun Pay&Save Hong Leong yang baharu dibuka (dalam bentuk terlindung) atau foto mereka dalam bahan media, pemasaran atau pengiklanan untuk tujuan Promosi.

## **UMUM**

21. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan Layak:
  - (i) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi;
  - (ii) bersetuju bahawa Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun Hong Leong bagi Akaun Hong Leong Pay&Save, atau apa-apa terma dan syarat yang mungkin dikenakan oleh HLB dari semasa ke semasa hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut;
  - (iii) bersetuju bahawa faedah yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barang;
  - (iv) bersetuju bahawa keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan Layak dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayani; dan
  - (v) bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat.
22. HLB berhak:
  - (i) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada menggantikan Kadar FD Promosi dengan tawaran atau produk lain yang sama nilainya menurut budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarannya dalam Laman Web HLB dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLB;
  - (ii) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak atas apa jua sebab sekalipun yang HLB anggap wajar, menurut budi bicara mutlaknya, daripada menyertai Promosi tanpa memberikan sebarang sebab; dan
  - (iii) melupuskan faedah yang diperolehi jika sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Akaun Am Hong Leong bagi Akaun Pay&Save Hong Leong.
23. Pelanggan Layak adalah bertanggungjawab dan hendaklah menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi.
24. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirksn menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
25. Perkataan yang menandakan satu gender termasuk semua gender lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Produk Deposit layak untuk dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).**